

Dana BNM untuk PKS: Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF)

Objektif

Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020

Ciri-ciri Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)

Kriteria kelayakan	<p>PKS* dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020 (kecuali subsektor berkaitan dengan pelancongan) seperti:</p> <ol style="list-style-type: none">Perkhidmatan peribadi (cth. memperbaiki komputer/ barangan isi rumah, dobi, dandanan rambut, kecantikan)Aktiviti perkhidmatan makanan dan minumanAktiviti kesihatan manusia dan kerja sosialSeni, hiburan dan rekreasiPerdagangan borong dan runcitPerkhidmatan perniagaan (cth. aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan) <p>Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (<i>Special Relief Facility</i>, SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (<i>PENJANA SME Financing</i>, PSF) dan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (<i>PENJANA Tourism Financing</i>, PTF) tidak layak untuk memohon TRRF</p>
Tujuan pembiayaan	Hanya untuk modal kerja
Saiz pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">PKS: Sehingga RM500 ribu bagi setiap PKSPerusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro <p>Nota: Had pembiayaan di atas akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegang saham bersama lebih daripada 20%</p>
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Sehingga 3.5% setahun, termasuk yuran jaminan
Tempoh	Sehingga 7 tahun, dengan moratorium ke atas ansuran bulanan sekurang-kurangnya selama 6 bulan
Perlindungan jaminan	<ul style="list-style-type: none">PKS: 80% (0.5% yuran jaminan)Perusahaan mikro: 90% (0.5% yuran jaminan) <p>Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC)/ Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).</p>
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.
Tempoh tamat permohonan	Sehingga 31 Disember 2021 atau peruntukan habis digunakan (mana yang lebih awal)

* Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Untuk
maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



www.bnm.gov.my/covid19

BNM eLINK: <https://teletlink.bnm.gov.my>

Inisiatif:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

